

02 AUG 1997

Anwar-Jordan

PELABUR HARUS CARI PELUANG DI JORDAN, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyarankan hari ini agar ahli perniagaan Malaysia mencari peluang pelaburan di Jordan.

Beliau berkata Jordan yang mana ekonominya sedang berkembang berkemungkinan juga boleh memberikan laluan kepada dunia Arab yang lain.

"Walaupun Jordan terletak di kawasan "yang tidak begitu damai", tetapi negara itu mempunyai ekonomi yang stabil dan berasaskan itu usahawan Malaysia harus melabur di negara itu," kata beliau semasa jamuan makan tengah hari bagi menghormati Perdana Menteri Jordan Dr Abdel Salam Majali, yang melakukan lawatan tiga hari ke negara ini, dan berakhir hari ini.

Anwar juga memuji usaha Dr Abdel Salam untuk mencari perdamaian dengan Israel dan negara-negara lain di rantau itu.

Pemimpin Jordan itu, dalam ucapan balasnya mengucapkan tahniah kepada Malaysia dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang telah berjaya membangunkan negara ini dengan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan.

Dr Abdel Salam juga berharap masa depan hubungan dua hala Malaysia-Jordan akan bertambah kukuh, terutamanya dalam bidang ekonomi dan pendidikan.

Di antara yang menghadiri jamuan tengah hari itu ialah ahli-ahli perniagaan Malaysia, Pengerusi Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli, perwakilan dari Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan dan menteri-menteri kabinet.

Terdahulu, Anwar dan isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail mengunjungi Dr Abdel Salam dan isterinya Joan Mary Majali di bilik penginapannya di sebuah hotel terkemuka di sini.

Sebelum lawatannya ke sini, Abdel Salam menghadiri forum tiga hari berkaitan perkongsian pintar, Dialog Antarabangsa Langkawi '97 yang berakhir Rabu lepas. -- BERNAMA

RAZ RI